

SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN JABATAN MUFTI NEGERI KELANTAN

**Ezad Azraai Jamsari
Radziah Husain**

Abstract

The study examines the role and contribution of the Jabatan Mufti Kelantan (Mufti Department of Kelantan). The department plays a significant role in disseminating Islamic teachings, especially the fatwa, Islamic laws and publication in particular. Established in 1983, the institution saw the engagement of eleven Muftis. The objective of this study is to collect data and information relating to all of the Muftis of Kelantan. The study also aims at scrutinizing and recognizing the role and contribution of the said Mufti Department in giving prestige and propagating the Islamic precepts to the Kelantanese society. This study involves both fieldwork study and library research by analyzing the records and other sources available at the Mufti Department. Besides that, relevant interviews with the officers of Jabatan Mufti Negeri Kelantan were carried out. The finding of this study is that the contribution of the department is not restricted to the field of fatwa, but is also extended to all aspects of the Kelantanese Muslims daily lives, politically, socially and economically.

Abstrak

Kajian ini membincangkan tentang peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh Jabatan Mufti Negeri Kelantan. Institusi ini memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan ajaran Islam, khususnya dalam bidang kefatwaan, hukum-hakam Islam dan penerbitan. Institusi ini ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1983 dan seramai sebelas orang pernah berkhidmat sebagai Mufti semenjak penubuhannya. Matlamat kajian ini adalah untuk mengumpul data dan maklumat mengenai semua tokoh agama yang pernah berkhidmat sebagai Mufti di Jabatan Mufti Negeri Kelantan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji dan mengetahui tentang peranan yang dimainkan serta sumbangan yang diberikan oleh institusi ini dalam mendaulat dan memperkembangkan ajaran Islam kepada masyarakat Kelantan. Keseluruhannya, kajian ini menggunakan kajian lapangan dan kajian kepustakaan dengan meneliti rekod-rekod dan bahan yang terdapat di Jabatan tersebut, di samping melakukan kaedah temu bual. Kajian ini mendapati bahawa sumbangan institusi ini tidak hanya terhad kepada bidang kefatwaan semata-mata, malah mencakupi keseluruhan kehidupan masyarakat Islam Kelantan yang mencakupi bidang politik, sosial dan ekonomi.

PENDAHULUAN

Jabatan Mufti merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam dan di Malaysia ia diletakkan di bawah Pentadbiran Majlis atau Pejabat Agama Negeri. Jabatan ini diketuai oleh seorang Mufti, iaitu Pegawai Tertinggi dalam Hal-Ehwal Agama dan Hukum Islam serta bertanggungjawab dalam memberi fatwa atau keputusan terhadap perkara yang berkaitan dengan hukum Islam. Di Kelantan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Kelantan merupakan ketua agama Islam yang bertanggungjawab terhadap perjalanan dan perkembangan agama Islam di Kelantan. Oleh yang demikian, institusi agama utama di negeri ini berada di bawah naungan baginda, termasuk Jabatan Mufti, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) (Abdullah Alwi 2004). Makalah ini mengkaji dan menilai fungsi Jabatan ini dalam memberikan khidmat kepada umat Islam dan dalam membantu perkembangan Islam di Malaysia, khususnya di Negeri Kelantan. Di samping itu juga, makalah ini turut menganalisis dan menjelaskan aktiviti dan sumbangan yang telah diberikan oleh Jabatan Mufti Negeri Kelantan dalam menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat setempat.

Di Negeri Kelantan, seramai sebelas orang tokoh agama pernah berkhidmat sebagai Mufti semenjak penubuhannya secara rasmi pada tahun 1893. Namun begitu, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa Mufti pertama Kelantan mula berkhidmat semenjak tahun 1870 lagi (Hamdan 1985: 153). Ia bermula dengan Haji Nik Wan Daud Bin Haji Wan Sulaiman (1893-4 November 1907), dan yang terkini ialah Dato Haji Abdullah @ Hasbullah Mohd Hassan (Dato' Kaya Perba) (1 Julai 1990 hingga sekarang). Kajian ini turut mengenal pasti kajian biografi, di samping mengumpul maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan semua tokoh Mufti ini (Laporan Tahunan Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan 2002: 23). Di Kelantan, jawatan mufti berasingan dengan MAIK dan mempunyai pejabat yang tersendiri. Malah fungsi dan peranan Jabatan Mufti adalah berbeza dengan MAIK dan JHEAIK. Namun ia telah diperluaskan dengan penambahan kakitangan yang berkelayakan bagi memberi khidmat dan sumbangan yang terbaik kepada masyarakat, khususnya di Kelantan. Meskipun Jabatan Mufti berasingan dengan MAIK, ia tetap mempunyai hubungan secara langsung kerana sebarang mesyuarat Jemaah Ulama akan tetap diadakan di MAIK memandangkan Jemaah Ulama ini berpusat di MAIK.

PENUBUHAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (selepas ini disebut MAIK) merupakan satu komponen penting dalam organisasi Islam di Kelantan. MAIK merupakan institusi agama tertinggi pertama ditubuhkan di Malaysia, mendahului Majlis Agama Islam di negeri-negeri lain. Manakala tentang penubuhan MAIK pula, tidak banyak terdapat dokumen rasmi yang menunjukkan peringkat perkembangan dan perancangan penubuhan MAIK. Idea penubuhan MAIK ini ialah atas daya usaha 'Tokoh Tiga Serangkai', iaitu Haji Awang Muhammad Yusuf Ahmad (Tok Kenali), Haji Nik Mahmud Haji Ismail (Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) dan Haji Muhammad Tok Khatib Haji Muhammad Said (Dato' Laksamana). Selepas daripada itu, Dato' Perdana Menteri Paduka Raja dan Dato' Laksamana telah mengangkat sembah cadangan penubuhan institusi agama kepada KDYMM Al-Sultan Muhammad ke-IV pada tahun 1915 (Abdul Razak 1997: 4).

Cadangan tersebut kemudiannya telah mendapat perkenan baginda Al-Sultan dan menurut sumber sejarah, pada tanggal 7 Disember 1915, rancangan untuk menubuhkan MAIK telah diluluskan oleh Dewan Negeri. Dengan demikian, pembukaan dan pengisytiharan secara rasmi MAIK telah dilakukan oleh Sultan Muhammad ke-4 (1900-1920) dalam suatu istiadat gilang gemilang. Ia telah disaksikan oleh para pembesar Melayu, orang kenamaan serta sebahagian rakyat Kelantan termasuk Penasihat British pada masa itu, iaitu R.J. Farrer yang berlangsung di Pejabat Tanah lama, Kota Bharu pada jam 10.30 pagi, bertarikh 24 Disember 1915M/17 Safar 1334H (Noraini 1988: 65).

Seramai dua belas orang telah dilantik oleh KDYMM Al-Sultan sebagai ahli MAIK pada hari pengisytiharan tersebut. Mereka terdiri daripada Haji Awang Muhammad Yusuf Ahmad (Tok Kenali), Haji Wan Muhammad Haji Wan Abdul Samad, Khatib Haji Muhd. Said Jamaluddin, Haji Wan Abdullah Haji Wan Abdul Samad, Muhammad Ghazali Arifin (Dato' Bentara Luar), Muhammad Daud @ Che Wok Salim, Nik Jaafar Haji Nik Abdul Kadir (Dato' Bentara Dalam), Nik Wan Muhammad Amin Wan Musa, Tengku Abdul Rahman Ibni Sultan Mohamad ke-3, Thamby Omar Thamby Kechik, Nik Mahmood Haji Wan Ismail (Dato' Bentara Setia) dan Haji Muhammad Khatib Haji Mohamad Said (Setiausaha) (Abdul Razak 1997: 5).

Penubuhan MAIK ini memberi manfaat yang besar kepada masyarakat Islam dan ia kekal berfungsi hingga ke hari ini. Antara tujuan penubuhannya adalah untuk membina dan memperbaiki masjid-masjid. Di samping itu juga, ia bertujuan untuk menjaga kebajikan masyarakat setempat seperti memberi pertolongan kepada golongan fakir miskin. Malah, penubuhannya adalah untuk memberi dan menyampaikan dakwah Islamiah dengan secara menyeluruh dan berkesan kepada masyarakat Islam Kelantan.

Pada dasarnya, kuasa pentadbiran agama di Kelantan berbeza dengan pelaksanaan di negeri-negeri lain dan mempunyai keistimewaan tersendiri. Ini memandangkan Kelantan mempunyai bentuk pentadbiran agama yang unik dengan MAIK berperanan sebagai badan induk, manakala JHEAIK dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) berperanan untuk membantu MAIK (Laporan Tahunan 1990: 2).

PENUBUHAN JABATAN MUFTI

Jabatan Mufti ditubuhkan dengan tujuan untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat agar mereka dapat memahami dan mendalami Islam dengan lebih mendalam lagi. Jabatan Mufti ini telah diketuai oleh seorang Mufti dan dibantu oleh Timbalan Mufti serta kakitangannya yang lain. Jabatan Mufti Negeri Kelantan tidak terletak di bawah mana-mana institusi (Laporan Tahunan 2002: 3). Ketika kedudukan Mufti di bawah pentadbiran Inggeris, jawatan Mufti diletakkan dalam struktur pemerintahan dan diberi gaji tetap. Pada peringkat ini juga, Pegawai Mahkamah juga diletakkan di bawah pentadbiran Inggeris (Roff 1974: 106).

Tidak banyak dokumen rasmi yang menunjukkan peringkat perancangan dan penubuhan Jabatan Mufti. Begitu juga dengan jawatan Mufti yang tidak dapat dipastikan dengan tepat kerana ketiadaan sumber yang tepat mengenainya. Namun begitu, mengikut Roff, pada tahun 1820-an jawatan Mufti telah wujud di negeri Kelantan. Pada masa itu juga, Mufti memiliki kuasa kehakiman. Di samping itu, Mufti turut menjadi pakar rujuk dalam soal keagamaan dan dibantu oleh kadi dalam perbicaraan di mahkamah. Mufti juga mempunyai tugas menyimpan buku daftar rekod imam-imam dalam Negeri Kelantan dan pentadbiran masjid (Roff 1974: 106). Perkembangan terkini menunjukkan bahawa Mufti turut menjadi Pengerusi Panel Mahkamah Rayuan Syariah mulai 15 Jun 1998.

Namun begitu, menurut Abdullah Alwi pula, di Negeri Kelantan jawatan mufti telah mendahului penubuhan institusi fatwa atau Pejabat Mufti yang kini dikenali sebagai Jabatan Mufti. Negeri Kelantan juga merupakan antara negeri terawal yang mempunyai Mufti, iaitu pada tahun 1830-an, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad ke-2 (1837-1886). Pada masa ini Mufti telah dilantik dan Mufti pada masa itu berperanan sebagai badan kehakiman yang mula berkembang (Abdullah Alwi 1996: 3). Selepas daripada itu, Pejabat Mufti yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan diperkenan oleh Sultan Mansor yang meninggal dunia pada tahun 1899, mula mengalami perubahan pentadbiran. Ini kerana, pada tahun 1920 semasa pemerintahan Sultan Ismail, baginda Al-Sultan mula memperbaharui dan mengemaskinkan pentadbiran pejabat kerajaan yang terdapat di Kelantan seperti Pejabat Tanah, Pejabat Mufti, Pejabat Kadi, Pejabat Cukai dan Pejabat Polis bagi menjamin perjalanan pejabat agar lebih tersusun dan teratur (Alias 1984: 21). Pada masa itu juga, perubahan pentadbiran dilakukan apabila Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan diasingkan daripada MAIK. Walau bagaimanapun, peranan mufti tetap tidak berubah, iaitu membantu MAIK dalam hal-hal mengenai fatwa dan menjawab kemusykilan agama (Mohd Shukri 1991: 3). Pada tahun 1920 juga, Mahkamah Rayuan yang sebelum ini berpusat di MAIK telah dipindahkan ke Pejabat Mufti. Pada masa yang sama, ia turut bertindak sebagai pihak yang bertanggungjawab memberi fatwa dalam semua perkara yang dikemukakan kepadanya (Abdul Razak 1992: 5).

Berdasarkan maklumat di atas, Pejabat Mufti ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1893. Namun begitu, jawatan mufti telah wujud semenjak tahun 1820-an atau 1830-an lagi. Selepas tahun 1915, tugas-tugas yang dipegang oleh Mufti selama ini mula diagih dan dibahagikan kepada MAIK. Ini sudah tentu dapat memudahkan lagi urusan dan perjalanan sesuatu perkara dalam Pejabat Mufti. Sementara itu, penubuhan JHEAIK pada 1 Januari 1980 secara tindak langsung turut membantu pihak MAIK dan Pejabat Mufti sendiri ketika menghadapi cabaran semasa dalam pembangunan dakwah Islamiah di Kelantan. Malah usaha untuk memperkasakan Pejabat Mufti berjaya dilaksanakan apabila pejabat ini dikenali dengan nama baru, Jabatan Mufti Negeri Kelantan mulai 29 Ogos 2005.

Dalam konsep pentadbiran Islam di Malaysia, Mufti merupakan satu jawatan yang tertinggi dan dihormati di Malaysia. Malah terdapat beberapa Mufti di Malaysia yang turut menganggotai Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri. Mufti juga merupakan Pengerusi kepada Jawatankuasa Fatwa/Jemaah Ulamak. Beliau bertanggungjawab mengeluarkan fatwa berhubung dengan hukum-hakam Islam. Oleh itu, Mufti merupakan satu tanggungjawab yang bebas dan bertanggungjawab dalam menasihati perkara-perkara agama kepada KDYMM Al-Sultan dan Yang Di-Pertuan Agong jika diminta berbuat demikian. Ini dapat dilihat dalam Enakmen kuasa perlantikan Mufti dan Jemaah Ulamak (Laporan Tahunan berkaitan). Menurut undang-undang, sebarang pelantikan Mufti Kerajaan hendaklah diperkenankan oleh KDYMM dan baginda Al-Sultan boleh melantik sesiapa sahaja yang layak dan ia hendaklah disiarkan dalam warta. Ini bermakna sebarang pelantikan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan yang diperkenankan oleh baginda Al-Sultan hendaklah disiarkan dalam warta atau dihebahkan kepada orang ramai.

Manakala tentang Jemaah Ulamak pula, ia perlu mengikut segala peraturan yang telah ditetapkan, iaitu Jemaah Ulamak perlu dipengerusikan oleh Mufti, Timbalan Mufti dan ahli tidak kurang daripada lapan dan tidak melebihi lima belas orang ahli. Sebarang permasalahan yang tidak dapat diselesaikan oleh Jemaah Ulamak perlu dirujuk kepada MAIK dan mengeluarkan fatwa dikehendaki berpandukan pandangan dan pendapat Mufti. Mufti juga memainkan peranan utama dalam menasihati perkara mengenai hukum-hakam apabila timbul masalah yang memerlukan fatwa. Ini perlu difahami bahawa Mufti bukan merupakan seorang penguatkuasa, iaitu orang yang menangkap atau menjatuhkan hukuman. Dengan kata lain, Mufti tidak terlibat dalam tugas penguatkuasaan kerana bidang tersebut akan dijalankan oleh badan yang sepatutnya (Laporan Tahunan 2002:3).

MUFTI-MUFTI YANG TELAH DILANTIK

Haji Nik Wan Daud Haji Nik Wan Sulaiman

Haji Nik Wan Daud merupakan orang pertama yang dilantik menjadi Mufti Kerajaan Negeri Kelantan, iaitu dari tahun 1893 sehingga 4 November 1907. Pada ketika itu, beliau turut memegang jawatan sebagai Imam Masjid Besar (Masjid Kayu), Kota Bharu. Menurut sejarah, pelantikan beliau sebagai Mufti di Kelantan tidak diketahui secara tepat oleh para sejarawan. Haji Nik Wan Daud dilahirkan pada tahun 1854M/1271H (Ismail 1994: 50).

Beliau merupakan pelajar lepasan Masjid al-Haram, Mekah dan merupakan seorang yang alim dalam bidang fiqh dan hadith. Pada 9 Jun 1900, beliau turut mengiringi Raja Kelantan berangkat ke Bachok. Pada masa beliau menjadi mufti, jawatan Nazir telah diwujudkan untuk membantu Mufti dalam hal-ehwal agama Islam di Negeri Kelantan. Namun begitu, sejak pertengahan tahun 1906, kesihatannya mula terganggu dan pada hari Selasa, tanggal 4 November 1907 beliau akhirnya telah meninggal dunia. Ketika itu, beliau masih lagi memegang jawatan sebagai Mufti merangkap sebagai Imam Tua Masjid Besar Kota Bharu. Jenazahnya telah dikebumikan di Perkuburan Banggol, Kota Bharu (Ismail 1992a: 10).

Haji Wan Ishak Imam Haji Abdullah

Haji Wan Ishak merupakan seorang ahli sufi yang warak dan digelar dengan gelaran 'Tok Pelanduk' kerana kepintarannya. Beliau dipercayai dilahirkan di Kampung Imam Haji Abdullah atau Kampung Che' Bakar, Kota Bharu. Tarikh kelahiran Haji Wan Ishak secara tepat tidak diketahui tetapi berdasarkan umurnya ketika meninggal dunia, dianggarkan beliau dilahirkan pada tahun 1875 atau terkemudian sedikit (Ismail 1992a: 12).

Haji Wan Ishak telah dibawa oleh ayahnya ke Mekah sebelum berkhatah lagi, iaitu ketika masih kecil. Pada sekitar tahun 1900, Haji Wan Ishak pulang ke Kelantan. Pada hari Jumaat, tanggal 17 Oktober 1907, Sultan Muhammad ke-4 telah melantiknya sebagai 'Khatib Surau Kota Bharu'. Pada 11 November 1907 pula, beliau dilantik sebagai Mufti yang baru, menggantikan Haji Nik Wan Daud. Beliau kekal memegang jawatan tersebut sehingga awal tahun 1908 kerana perkhidmatannya sebagai Mufti telah ditamatkan, dan sebab penamatan itu adalah kurang jelas. Haji Wan Ishak Iman Haji Wan Abdullah meninggal dunia pada petang Jumaat, tanggal 9 April 1915M/25 Jamadil Awal 1333H dalam usia lingkungan 40 tahun (Ismail 1994: 55).

Haji Wan Musa Haji Abdul Samad (Tuan Tabal)

Haji Wan Musa merupakan seorang tokoh pembaharuan pemikiran Islam di Kelantan. Beliau dilahirkan di Lorong Tok Semian, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1874M (Nik Abdul Aziz 1983: 29). Beliau mendapat pendidikan di Mekah dan selepas kembali ke Kelantan, beliau dilantik oleh Sultan Muhammad ke-4 pada 19 Januari 1909 sebagai Mufti. Sifat berani dan ketegasan dalam mempertahankan pendapatnya menyebabkan

beliau sanggup mengorbankan kepentingan jawatannya sebagai Mufti. Lantaran beliau tidak bersependapat dengan pandangan orang lain, beliau telah meletakkan jawatannya pada 30 Jun 1916 (Ismail 1994: 58). Antara penulisan Haji Wan Musa yang dicetak ialah *Risalat 'Iqd al-Durr al-Nafis* yang diterjemahkan ke bahasa Melayu daripada karangan Sa'idi Ibrahim al-Rashid. Penterjemahan kitab ini selesai dilaksanakan pada 1 Ogos 1906. Kebanyakan koleksi Haji Wan Musa tersimpan di Arkib Negara Malaysia Cawangan Kelantan. Haji Wan Musa meninggal dunia secara mengejut pada Sabtu, 14 Januari 1939. Ketika itu beliau berusia 65 tahun dan selamat dikebumikan di Perkuburan Banggol, Kota Bharu (Ismail 1992a: 15).

Haji Wan Muhammad Haji Abdul Samad

Mufti Haji Wan Muhammad dilahirkan di Kota Bharu pada Jumaat, 5 Rejab 1287H/1870M. Ayah beliau yang dikenali sebagai Tuan Tabal telah membawa Haji Wan Muhammad ke Makkah pada tahun 1888 dan 1894 (Ismail 2001a: 207). Setelah beliau kembali menetap di Kelantan, Haji Wan Muhammad telah dilantik oleh Sultan Mansor untuk menjadi Imam Muda Masjid Kota Bharu pada November 1896. Kemudian, beliau dilantik menjadi Imam Tua. Pada 7 Disember 1915, KDYMM Al-Sultan melantik beliau menjadi anggota MAIK. Pada 2 Januari 1916, beliau dilantik menjadi Hakim Mahkamah Syariah Kota Bharu (Ismail 1994: 59).

Pada 21 Ogos 1916, Haji Wan Muhammad dilantik menjadi Mufti Kerajaan Negeri Kelantan sehingga 7 Disember 1920. Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab mengusulkan nama timangan 'Darul Naim' bagi Negeri Kelantan. Usulnya itu telah diterima oleh baginda Al-Sultan setelah dibawa dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan. Selepas daripada itu, Negeri Kelantan telah diisytiharkan secara rasmi bergelar 'Kelantan Darul Naim' (Ismail 2001a: 208). Haji Wan Muhammad juga dilantik oleh Al-Sultan menjadi Ketua Dewan Ulama pada 27 Mei 1918 dan turut memegang beberapa jawatan lain, iaitu sebagai Imam Masjid Kota Bharu, Anggota MAIK, Ketua Dewan Mesyuarat Ulama dan Hakim Mahkamah Kota Bharu. Bagi mengenang jasa dan perkhidmatannya, baginda Al-Sultan telah mengurniakan kepada beliau Darjah Seri Mahkota Kelantan (SMK). Beliau merupakan Mufti pertama yang mendapat gelaran seperti itu. Pada malam Rabu 7 Disember 1920, beliau telah diserang penyakit sebak dada dan kemudiannya kembali ke rahmatullah ketika berusia 51 tahun. Jenazahnya selamat dikebumikan di Perkuburan Banggol, Kota Bharu (Ismail 1992a: 17).

Dato' Haji Che Idris Haji Che Hassan

Dato' Haji Che Idris merupakan Mufti pertama yang mendapat gelaran Dato'. Beliau dilahirkan di Kota Bharu pada tahun 1882M/1300H. Pada tahun 1894M/1312H, beliau menyambung pelajarannya ke Mekah dan menuntut di Masjid al-Haram. Setelah belajar di sana selama lapan tahun, beliau kembali ke Kelantan dan diberi penghormatan mengajar di Masjid Besar Kota Bharu, di samping mengajar di suraunya sendiri di Kampung Lorong Che Su, Kota Bharu (Ismail 1992a: 17). Pada awal tahun 1920, Dato' Haji Che Idris dilantik menjadi anggota MAIK, merangkap Setiausaha Majlis Ulamak (kini Jemaah Ulamak). Pada tanggal 5 Mac 1921, beliau dilantik menjadi Mufti Kelantan sehingga 14 Disember 1927 dan secara automatik menjadi Yang DiPertua Majlis Ulamak. Pada 23 Julai 1921, beliau digelar dengan gelaran Dato' Mufti dan selepas itu, pada tanggal 21 Julai 1925, beliau dikurniakan Darjah Kebesaran Dato Paduka Mahkota Kelantan (DPMK) yang membawa gelaran Dato'. Namun begitu, pada hari Rabu bertarih 14 Disember 1927, beliau kembali ke rahmatullah. Ketika itu, beliau berusia 46 tahun dan jenazahnya telah dikebumikan pada hari Khamis di Perkuburan Banggol, Kota Bharu (Ismail 1994: 61).

Dato' Haji Ibrahim Haji Muhammad Yusuf

Dato' Haji Ibrahim dilahirkan pada tahun 1871M/1288H di Kampung Banggol, Kota Bharu. Semasa mudanya, beliau menuntut di Pondok Tuan Guru Haji Abdul Malek Sungai Pinang dan selepas daripada itu, beliau menyambung pelajarannya ke Mekah dan Madinah. Setelah Dato' Haji Ibrahim kembali ke Kelantan pada tahun 1912, beliau memulakan tugas awalnya sebagai pengajar di Sekolah Majlis dan juga sebagai seorang guru agama di Kampus Masjid Besar Kota Bharu. Secara tetapnya, beliau mengajar dan menetap di Kampung Penambang Kota Bharu. Pada awal Mac 1928, ketika berusia 57 tahun, beliau dilantik memegang jawatan Mufti bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut berikutan kematian Dato' Haji Che Idris. Pada awal bulan Julai 1941, beliau memohon untuk bersara daripada jawatannya dengan berpencen dan diberi hadiah yang setimpal dengan keadaan ketika itu. Tokoh yang banyak berjasa ini meninggal dunia di kampungnya, Kampung Penambang, Kota Bharu pada 2 Jun 1955 ketika berusia 86 tahun dan dikebumikan di Perkuburan Banggol, Kota Bharu (Ismail 1992: 18).

Dato' Haji Ahmad Maher Haji Ismail Al-Azhari

Dato' Haji Ahmad Maher merupakan perancang pembaharuan *halaqah* (pengajian kitab) di Masjid Muhammadi pada tahun 1930-an. Beliau dilahirkan di Ma'ala, Mekah pada November 1904. Beliau kembali ke Kelantan ketika berusia 11 tahun (Ismail 1996:150). Selepas itu, beliau menyambung pelajarannya ke Mesir untuk menuntut di Universiti al-Azhar pada tahun 1925. Memandangkan beliau mempunyai kemahiran dan kecenderungan dalam bidang usul fiqh, beliau mendapat gelaran 'Maher' yang telah diberi oleh seorang gurunya di al-Azhar dan beliau merupakan anak Kelantan pertama yang mendapat gelaran tersebut. Setelah berkhidmat sebagai seorang guru di Masjid al-Haram, Mekah, pada tahun 1931, beliau telah kembali ke Kelantan. Kemudian, beliau dilantik menjadi Nazir Pelajaran Majlis Ugama Islam Kelantan dan penggubal undang-undang Madrasah Muhammadiyah. Pada 1 Disember 1933, beliau mengambil tugas sebagai pengarang majalah *Pengasuh* dan juga turut memegang jawatan Naib DiPertua MAIK (Ismail 1996: 152).

Pada bulan Januari 1934, beliau telah dilantik menjadi Ketua Pelajaran dan selepas itu, dilantik pula menjadi Kadi Besar Negeri Kelantan pada 15 Oktober 1935. Kemudiannya, Dato' Haji Ahmad Maher juga dilantik menjadi Mufti Khas kepada Almarhum DYMM al-Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Muhammad ke-4 (Ismail 1994: 65). Pada tahun 1941, Haji Ahmad Maher telah dilantik menjadi Pemangku Mufti Kerajaan Kelantan, manakala pada 1 Januari 1945, beliau disahkan menjadi Mufti Kerajaan Negeri Kelantan sehingga akhir hayatnya. Beliau dianugerahkan dengan beberapa bintang kebesaran negeri serta bergelar Dato' Kaya Perba. Beliau turut menerima Darjah Kebesaran lain (iaitu Darjah Seri Paduka Mahkota Kelantan) pada tahun 1966 dan juga menganggotai Majlis Penasihat Raja (MPR) serta Majlis Perajaan Negeri (MPN) sehingga akhir hayatnya.

Dato' Haji Ahmad Maher meninggal dunia pada hari Sabtu, 16 Mac 1968 dalam lingkungan usia 63 tahun dan dikebumikan di Perkuburan Banggol, Kota Bharu. Dato' Haji Ahmad Maher meninggalkan beberapa ratus buah buku agama. Anak beliau, Encik Syukri telah menghadiahkan sebanyak 252 buah buku pada 18 Julai 1974 kepada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) (sekarang dikenali sebagai Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), Nilam Puri. Selepas itu, pada 9 Januari 1991, Sekolah Menengah Jalan Bayam Kota Bharu telah diabadikan dengan namanya, iaitu Sekolah Menengah Dato' Ahmad Maher (Ismail 1992b: 36).

Dato' Haji Muhammad Noor Haji Ibrahim

Dato' Haji Muhammad Noor merupakan seorang hafiz, ahli falak dan tokoh pelopor dalam pelbagai bidang. Beliau dilahirkan pada hari Ahad, 20 Ogos 1905 di Kampung Lido, Kota Bharu. Sejak kecil lagi, beliau diberikan pendidikan dan dibawa ke Makkah. Setelah pulang ke Kelantan, beliau dimasukkan oleh ayahnya ke Sekolah Inggeris pertama yang didirikan di Kelantan oleh MAIK pada tahun 1918 (Ismail 1994: 68). Haji Muhammad Noor boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dengan baik, di samping menguasai bahasa Arab, Cina, Perancis dan bahasa Melayu dengan baik. Pada tahun 1923, Haji Muhammad Noor pergi ke Mekah bersama isterinya untuk mendalami ilmu al-Qu'ran dan pelajaran lain (Mohd Kamil 1991: 20). Selepas pulang dari Mekah, beliau dilantik menjadi Kadi Besar pada tahun 1939. Beliau juga dilantik menjadi Mufti Khas kepada Al-Sultan.

Beliau turut mengajar di Jami' Merbau al-Isma'ili dan pernah dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan dari tahun 1948 hingga 1955. Pada tahun 1954, beliau dilantik memangku jawatan Mufti semasa Dato' Haji Ahmad Maher bercuti keluar negara. Pada tahun 1966, beliau diminta oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengendalikan kelas Tahfiz al-Qur'an di Masjid Negara, Kuala Lumpur (Mohd Kamil 1996: 318). Jawatan Mufti disandang oleh Dato' Haji Muhammad Noor mulai 1 Mei 1968 sehingga 13 Februari 1987. Beliau juga merupakan Pengerusi Jemaah Ulamak MAIK, ahli MPR dan MPN. Oleh kerana beliau telah memberikan sumbangan yang banyak kepada masyarakat Islam Kelantan, pada 10 Julai 1968, beliau dianugerahkan Darjah Kebesaran Darjah Seri Paduka Jiwa Mahkota Kelantan (SPJMK) yang membawa gelaran Dato' oleh Al-Sultan Yahya Petra (Ismail 1994: 70). Beliau turut menerima gelaran kebesaran Dato' Kaya Perba, malah turut dianugerahkan gelaran 'Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan' pada tahun 1988 atas sumbangan yang telah diberikan dalam bidang pendidikan. Dato' Haji Muhammad Noor meninggal dunia di Kampung Penambang, Kota Bharu pada Jumaat, 13 Februari 1988 ketika berusia 83 tahun. Jenazahnya dikebumikan di Perkuburan Banggol, Kota Bharu (Ismail 1994: 71).

Dato' Haji Ismail Haji Yusoff

Dato' Haji Ismail merupakan tokoh ilmuwan Islam yang berwibawa dan dilahirkan di Kampung Gong Kemuning, Pasir Puteh,

Kelantan pada tahun 1915. Pada tahun 1937, beliau meneruskan pelajarannya ke Mekah sehingga tahun 1947 (Ismail 1994: 73). Pada tahun 1949, beliau dilantik menjadi Guru di Jami' Merbau al-Ismaili, Kota Bharu. Pada 1 Mei 1969, beliau dilantik menjadi Kadi Kota Bharu dan selepas daripada itu beliau telah dilantik pula menjadi Pendaftar di Pejabat Mufti, merangkap Setiausaha kepada Mufti Kelantan pada waktu itu. Selepas menyandang jawatan itu selama 10 tahun, beliau dilantik menjadi Timbalan Mufti pada 10 Oktober 1979 dan merupakan orang pertama yang dilantik ke jawatan ini selepas diperkenalkan dalam pentadbiran kerajaan. Beliau dilantik sebagai Mufti pada 1 April 1987 sehinggalah 9 Julai 1988 (Abdul Razak 1996: 347).

Beliau juga turut dilantik sebagai ahli MPR dan MPN sejak tahun 1987. Beliau telah mempengerusikan Dewan Syura Majlis Agama Islam yang baru ditubuhkan pada 9 November 1987. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pengarang majalah *Pengasuh* serta mengasas dan membangunkan Maktab Pengajian Islam di Jalan Bayam, Kota Bharu (Ismail 1994: 73). Bagi menghargai sumbangan dan jasa-jasa beliau, Dato' Haji Ismail dianugerahkan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Setia Mahkota Kelantan (DPSK) yang membawa gelaran Dato' oleh KDYMM Al-Sultan Ismail Petra pada 31 Mac 1980. Beliau juga menerima penghargaan pada 18 Julai 1985 setelah dipilih sebagai 'Tokoh Islam Kelantan'. Beliau meninggal dunia pada hari Sabtu, 9 Julai 1988 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Jalan Hamzah lama, Kota Bharu (Abdul Razak 1996: 348).

Dato' Haji Muhammad Che Wook

Dato' Haji Muhammad merupakan ahli akademik pertama yang dilantik menjadi Mufti dan dilahirkan di Kampung Kubang Bunut/Kasar, Pasir Mas pada tahun 1936. Beliau menyambung pelajarannya di Jami' Merbau Al-Ismaili, Kota Bharu dari tahun 1950 hingga 1953. Seterusnya, beliau menyambung pelajarannya ke Kolej Islam Malaya, Kelang dari tahun 1954 hingga 1959 dan merupakan pelajar pertama yang diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke kolej itu oleh MAIK. Kemudian, beliau ke Universiti al-Azhar, Mesir. Pada tahun 1964, beliau memasuki Maahad Islamiah di Mesir selama setahun dan beliau kembali ke Kelantan pada tahun 1965 (Ismail 1992b: 38). Beliau melibatkan diri dengan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) dari Oktober 1965 hingga November 1988. Beliau memulakan kerjayanya di sini sebagai seorang Pensyarah. Beliau dilantik menjadi Dekan Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan pada tahun 1975, Naib Pengetua pada tahun 1978

dan seterusnya menjadi Pengetua YPTIK pada tahun 1980. Selepas YPTIK ditukarkan kepada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 3 Mac 1981, beliau dilantik pula menjadi Penyelaras bagi Kampus Cawangan Nilam Puri dari 4 Jun 1981 hingga 1982. Kemudian, beliau dilantik menjadi Dekan Fakulti Syariah dari tahun 1983 hingga 1984 (Ismail 1992b: 39).

Beliau turut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pengurus Syariah Bank Islam, Ahli Syura dan anggota MAIK serta Pengerusi Ulama Berjasa. Sebagai menghargai sumbangan dan jasa yang telah diberikan oleh beliau, pada 30 Mac 1987, KDYMM Al-Sultan Kelantan berkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Seri Mahkota (DPSM) yang membawa gelaran Dato'. Selepas mendapat gelaran Dato', beliau telah dilantik menyandang jawatan Mufti mulai pada 1 Disember 1988 sehinggalah 17 Jun 1990. Dato' Haji Muhammad hanya sempat memegang jawatan Mufti dalam masa yang singkat sahaja dan beliau telah meninggal dunia pada Ahad 17 Jun 1990 di Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian. Beliau dikebumikan di Perkuburan Che Siti, Kampung Banggol, Kota Bharu. Beliau tidak sempat menerima sendiri Darjah Kurniaan Pertama SPMK pada 30 Julai 1990 dan pada 18 Ogos 1990, Allahyarham turut dipilih sebagai 'Tokoh Pendidik Yayasan Kelantan 1990' (Ismail 1994: 76).

Dato' Haji Abdullah @ Hasbullah Mohd Hassan

Dato' Haji Abdullah merupakan seorang tokoh ulamak yang berpengetahuan luas dan dilahirkan di Kampung Paya Lada, Kadok, Kota Bharu. Beliau memulakan pendidikan awalnya di Pondok Mahligai dari tahun 1947 hingga 1949. Seterusnya, beliau telah berpindah ke Pondok Bott, Melor selama lapan tahun, iaitu dari tahun 1949 hingga 1957 (Ismail 1996: 76). Selepas itu, beliau telah menyambung pelajarannya ke Arab Saudi dan menuntut di Masjid al-Haram dan Madrasah Sultiah (Salatiyyah), Mekah selama enam tahun. Akhir sekali, beliau mendalami pengajian di Universiti Islam Madinah selama tujuh tahun dan mendapat ijazah dalam bidang Syariah. Selepas pulang dari pengajiannya, beliau ditawarkan bertugas di Sabah. Di sana, beliau menjadi guru pelopor kepada Sekolah Menengah Agama Islamiah Tawau dan bertugas dari Mei 1970 hingga Disember 1975 (Abdullah 2003).

Beliau kemudian dilantik menjadi Imam Besar Masjid Muhammadi, Kota Bharu pada 1 Disember 1977 oleh Kerajaan Negeri

Kelantan dan bertugas selama sembilan tahun sebelum dilantik menjadi Timbalan Mufti dari 1 April 1987, iaitu selama 3 tahun. Pada 1 Julai 1990, beliau dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri Kelantan dan masih berkhidmat sehingga sekarang (Ismail 1994: 78). Dato' Haji Abdullah dianugerahkan dengan pelbagai pingat sebagai menghargai sumbangan dan jasa beliau kepada rakyat Kelantan. Pada tahun 1980, beliau dianugerahkan dengan Pingat Kemahkotaan. Seterusnya pada 30 Mac 1982, beliau dianugerahkan dengan Darjah Seri Mahkota Kelantan (SMK) dan selepas dua tahun menjadi Mufti, beliau dianugerahkan dengan Darjah Kebesaran DPSK yang membawa gelaran Dato', iaitu pada 30 Mac 1989. Beliau kemudian mendapat Darjah Kebesaran SPMK, pada 30 Julai 1994. Beliau juga mendapat gelaran Dato' Kaya Perba pada 31 Mac 2001 (Abdullah 2003). Beliau turut menjadi Pengerusi Jemaah Ulamak, Penasihat Tabung Haji, Penasihat berkaitan Ilmu Salah, Penasihat Hafiz al-Qur'an Masjid Muhammadi, Ketua Mata Pelajaran Pondok Moden Kandis, Anggota Mesyuarat Majlis Agama Islam Kelantan, Ahli Dewan Syura dan memegang beberapa keanggotaan yang lain.

Pada setiap hari Sabtu, Ahad dan Isnin setiap minggu, beliau mengajar di Masjid Muhammadi (Kuliah Pagi). Beliau juga menerima banyak jemputan daripada pihak luar untuk sesuatu program, namun sejak akhir-akhir ini, kesihatannya agak terganggu. Ini kerana pada ketika ini, beliau sudah berumur 69 tahun dan ini menyebabkan banyak urusan terpaksa diselesaikan dan dilaksanakan oleh Timbalan Mufti, iaitu Dato' Mohd. Syukri Muhammad.

PERKEMBANGAN SEMASA JABATAN MUFTI

Dalam menghadapi alaf baru yang lebih mencabar, tugas dan peranan mufti menjadi lebih penting dan utama. Oleh yang demikian, Mufti juga perlu meningkatkan keilmuan dan kepakaran serta beriltizam dalam menghayati etika seorang mufti. Jabatan Mufti Negeri Kelantan banyak memberikan sumbangannya terhadap perkembangan Islam yang berlaku di Malaysia umumnya dan di Kelantan khususnya. Mufti juga turut memainkan peranan dan sumbangan dalam usaha untuk membantu perkembangan Islam. Di samping itu juga, Mufti memberikan sumbangan dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang agama Islam di Kelantan.

Terdapat 23 jawatan yang telah disediakan oleh kerajaan di Jabatan ini. Ia terdiri daripada Mufti, Timbalan Mufti dan diakhiri dengan

jawatan am yang paling rendah. Sebelum ini, terdapat hanya tiga belas jawatan sahaja yang terisi dengan kakitangan, iaitu lima orang perempuan dan lapan orang lelaki. Namun begitu, pada akhir tahun 2003, ditambah menjadi sembilan belas orang. Walaupun kakitangannya sudah ditambah, terdapat lagi empat jawatan kosong yang proses pengisian jawatan ini sedang berlaku dan akan ditambah di masa akan datang. Ini berlaku kerana terdapat beberapa kakitangan yang telah bertukar tempat dan dinaikkan pangkat. Proses pemilihan dan pelantikan pegawai yang berkelayakan sedang dibuat bagi memberi khidmat yang terbaik kepada masyarakat Islam, khususnya di Kelantan.

Pada awal penubuhannya, Jabatan ini ditempatkan di Jalan Sultan, Kota Bharu yang terletak di Bangunan MAIK. Namun begitu, bangunan ini sekarang menempatkan Muzium Islam, Perpustakaan Islam dan Pejabat Unit Penerbitan MAIK. Selepas itu, ia dipindahkan ke Jalan Hamzah dan kemudiannya ke Kompleks Agama Islam Lundang, Kota Bharu yang menempatkan Jabatan Mufti di Bangunan JHEAIK. Gaji para kakitangan Jabatan ini dibiayai dan dibayar sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan pelantikan pegawai juga dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Jabatan ini dibuka pada setiap hari, kecuali cuti umum dan pada hari kebiasaan, ia dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 4.45 petang.

Jabatan ini mempunyai beberapa objektif penubuhan antaranya adalah untuk memberi nasihat dan panduan kepada Sultan Kelantan, dan kerajaan serta masyarakat dalam hal-hal yang berkaitan dengan aspek hukum dan kefatwaan apabila diminta. Selain itu, ia bertujuan untuk mewujudkan fatwa yang benar, lengkap, kemas dan bersistematik berlandaskan sumber-sumber hukum serta pengalaman badan-badan fatwa dari dalam negeri atau negara Islam yang lain. Ia juga bermatlamat untuk mewujudkan penyelarasan kefatwaan antara negeri yang terdapat di Malaysia supaya tidak timbul kecelaruan dan pertindihan dalam perkara atau masalah yang sama. Objektif lain pula, adalah untuk membangun dan meneroka aspek-aspek baru dalam bidang kefatwaan. Terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan ini sepanjang tahun yang merangkumi aktiviti seperti menjawab kemusykilan agama dari segi hukum-hakam Islam. Terdapat tiga cara yang digunakan oleh Jabatan ini dalam menjawab persoalan yang diutarakan oleh masyarakat setempat, iaitu dengan secara bertulis, melalui telefon atau datang sendiri ke pejabat untuk bertanyakan tentang sebarang persoalan agama.

Jabatan ini juga banyak menerima jemputan untuk memberi penerangan agama dari agensi-agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Pihak ini juga turut membantu pihak MAIK dalam hal-ehwal yang berkaitan dengan Masjid dan Imam. Mufti juga turut mempengerusikan mesyuarat Jemaah Ulamak atau Jawatankuasa Fatwa Negeri. Di Jabatan ini juga terdapat Bahagian Falak yang turut membuat cerapan anak bulan Hijri pada setiap bulan. Di samping itu, bahagian ini juga turut menerima dan memenuhi permohonan dari mana-mana agensi kerajaan atau swasta bagi pengesahan arah kiblat.

Pihak MAIK juga telah mewujudkan Panel Khutbah Jumaat yang dipengerusikan oleh Mufti sendiri. Panel ini bertanggungjawab untuk menyediakan teks khutbah Jumaat yang dikeluarkan pada setiap bulan. Khutbah ini akan dihantar kepada imam-imam seluruh Kelantan melalui MAIK mengikut keadaan tertentu. Namun begitu, khutbah ini kebiasaannya dihantar sebulan sekali untuk memudahkan tugas Majlis atau Imam. Jabatan ini menerbitkan sendiri bahan bacaan untuk menjadi rujukan masyarakat seperti buku *al-Futiya*. Buku ini menghimpunkan masalah atau fatwa yang berjaya diselesai atau dikeluarkan oleh Jabatan ini. Walaupun tidak banyak bahan bacaan yang dikeluarkan oleh Jabatan ini, namun masyarakat lebih suka menggunakan tiga cara atau kaedah sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini dalam penyelesaian sesuatu masalah.

INSTITUSI FATWA

Fatwa dan Jemaah Ulamak

Fatwa adalah penting dalam perundangan Islam dan ia perlu dikeluarkan melalui perbincangan rasmi di kalangan para ulamak. Apabila Mufti hendak mengeluarkan sesuatu fatwa, beliau perlu memanggil atau mengadakan satu mesyuarat Jemaah Ulamak bagi maksud untuk membincangkan fatwa yang hendak dicadang atau dikeluarkan itu. Ia juga perlu disesuaikan dengan dasar perundangan Islam supaya semua fatwa yang dikeluarkan dapat diselaras dan dijadikan dasar pemerintahan serta kehakiman. Tugas utama Mufti atau Jabatan ini adalah untuk mengeluarkan fatwa yang berkaitan dengan masalah yang berlaku, sama ada ia ditimbulkan oleh orang perseorangan, badan kerajaan atau swasta dan sebagainya. Ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang ditimbulkan dalam usaha untuk mencari penyelesaiannya.

Fatwa juga merupakan antara bidang yang amat penting dalam syariah Islam. Semakin maju masyarakat itu, semakin banyak permasalahan berlaku yang memerlukan jawapan dan penyelesaian dari sudut hukum. Menyedari hakikat ini, MAIK yang ditubuhkan pada 24 Disember 1915, telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu lembaga yang dikenali sebagai 'Majlis Ulamak'. Majlis ini ditubuhkan pada 24 Januari 1918, iaitu tiga tahun selepas penubuhan MAIK. Penubuhannya dianggap relevan memandangkan tugas Mufti semakin banyak dan mencabar. Di samping itu juga, ia bertujuan untuk membantu MAIK dalam hal-hal keagamaan, khususnya berhubung dengan fatwa syariah. Pada masa itu, Mufti turut diberikan tugas untuk menjawab kemusyikilan orang ramai berhubung dengan hukum Islam (Mohd Shukri 1991: 2).

Pada tahun 1966, nama Majlis Ulamak ditukarkan kepada 'Jemaah Ulamak'. Ini memandangkan dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau fatwa tentang sesuatu masalah, perbincangan hendaklah dibuat untuk memutuskan sesuatu hukum, terutamanya dalam hal-hal yang melibatkan kemaslahatan umum. Selain daripada berperanan dalam memberi fatwa syariat dan menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat Islam, terdapat beberapa tugas lain yang dipertanggungjawabkan kepada Jemaah Ulamak. Tugas-tugas ini jarang disedari oleh masyarakat, iaitu seperti menyemak buku-buku berkaitan Islam hasil karya penulis-penulis yang menghantar kepada pihak MAIK untuk dibuat semakan. Begitu juga dengan mewujudkan mukim, pembinaan masjid dan pemindahan surau. Jemaah Ulamak diberi peranan untuk meneliti kawasan dan kedudukan sesuatu tempat yang dicadangkan untuk dijadikan tapak masjid selaras dengan kehendak Syarak. Ia juga bertanggungjawab untuk mengendalikan peperiksaan Imam-imam Masjid bagi seluruh Negeri Kelantan. Selain itu, Jemaah Ulamak juga bertanggungjawab dalam menemuduga calon yang memohon untuk mendapatkan tauliah untuk mengajar kitab-kitab agama yang berpusat di masjid, surau dan madrasah (Mohd Shukri 1991: 5).

Dalam mengeluarkan sesuatu fatwa, iaitu tentang sebarang permasalahan hukum-hakam, Jemaah Ulamak juga mengguna atau mengeluarkan panduan kefatwaan. Ini dijadikan rujukan dan garis panduan ketika mengeluarkan sesuatu fatwa tentang sebarang masalah. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan ini sebahagiannya dibukukan dalam buku *al-Futiyā* yang dikeluarkan oleh Jabatan ini sendiri. Jemaah Ulamak dipengerusikan oleh Dato' Mufti Kerajaan Negeri Kelantan sendiri, iaitu Dato' Haji Abdullah @ Hasbullah Mohd Hassan (Dato'

Kaya Perba) dan mempunyai dua belas orang ahli, di samping seorang setiausaha. Sebarang pelantikan ahli Jemaah Ulama ini mesti mendapat perkenan daripada KDYMM Al-Sultan Kelantan. Namun begitu, sebelum ini, ahli Jemaah Ulama tidak sampai bilangan tiga belas orang tetapi, di bawah pimpinan Dato' Haji Abdullah @ Hasbullah, ahlinya ditambah menjadi tiga belas orang. Ini kerana masalah yang melibatkan orang awam semakin bertambah dan oleh kerana itu, ahlinya perlu ditambah bagi memastikan kemaslahatan umum dapat dipelihara.

Penerbitan Bahan-bahan Bacaan Islam

Tidak banyak bahan bacaan yang diterbitkan di Jabatan Mufti Negeri Kelantan. Antara penerbitan Jabatan ini ialah buku *al-Futiyā*, iaitu himpunan sebahagian fatwa yang dikeluarkan secara tidak berkala. Buku ini baru sahaja dibukukan, iaitu sejak tahun 2002. Jabatan ini mengambil inisiatif untuk membukukan sebahagian fatwa yang telah dijawab oleh Mufti dalam dua jilid penerbitan dengan tujuan untuk menambah bahan bacaan kepada masyarakat Islam di Kelantan. Segala perbelanjaan untuk mencetak buku ini ditanggung sendiri oleh Jabatan ini dan juga peruntukan MAIK. Buku ini diterbitkan dalam tulisan Jawi untuk memudahkan orang ramai membacanya serta untuk memartabat dan mempertahankan tulisan jawi itu sendiri

Namun begitu, walaupun bahan bacaan lain tidak diterbitkan, segala permasalahan yang berlaku boleh terus dirujuk di Jabatan ini. Segala permasalahan seperti dalam hal-ehwal keluarga, iaitu tentang nikah, cerai dan hukum-hakam yang lain, kebanyakannya boleh dirujuk terus ke Jabatan ini oleh masyarakat Kelantan dalam usaha untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul. Walaupun dalam permasalahan keluarga, ia boleh terus dirujuk kepada Mahkamah Syariah atau JHEAIK, namun terdapat juga masyarakat setempat yang merujuk permasalahan tersebut di Jabatan ini.

Pada setiap hari, terdapat individu atau wakil institusi yang datang ke Jabatan ini untuk berjumpa dengan Dato' Mufti atau Dato' Timbalan Mufti untuk bertanyakan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi. Ini pula ditambah dengan sikap baik dan ramah yang ditunjuk dan diberikan oleh Jabatan ini kepada masyarakat yang datang untuk mencari penyelesaian masalah. Jabatan ini juga mempunyai Piagam Pelanggan yang dijadikan panduan untuk mereka dalam usaha untuk memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat. Ini dilakukan, sama ada melalui temujanji,

telefon atau terus datang ke Jabatan ini. Dalam hal ini Mufti akan dibantu oleh Timbalan Mufti untuk menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul. Di samping itu, jika terdapat persoalan atau permasalahan yang memerlukan perbincangan atau keputusan bersama, Mufti akan berbincang dengan Timbalan Mufti atau melalui mesyuarat Jemaah Ulamak yang berpusat di MAIK. Dengan demikian, segala masalah yang ditimbulkan oleh masyarakat setempat akan dapat diselesaikan oleh Jabatan ini.

INSTITUSI FALAK DAN PENTADBIRAN

Jabatan Mufti Negeri Kelantan diketuai oleh Mufti sendiri dan dibantu oleh Timbalan Mufti serta kakitangan yang lain. Sistem pentadbiran Jabatan ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian Falak dan Sumber Maklumat, Bahagian Fatwa serta Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Bahagian-bahagian ini dipecahkan pula kepada beberapa unit tertentu untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran Jabatan ini berjalan dengan lancar dan teratur. Susunan pentadbiran Jabatan ini adalah seperti berikut.

Bahagian Falak dan Sumber Maklumat

Bahagian Falak dan Sumber Maklumat diketuai oleh Pegawai Hal-Ehwal Islam yang dipengerusikan oleh Mufti dan dibantu oleh enam orang kakitangannya yang lain. Antara tugas utama bahagian ini ialah membuat cerapan setiap bulan. Cerapan yang dilakukan ini adalah untuk menentukan arah kiblat yang betul. Terdapat tiga kawasan atau tempat cerapan yang digunakan di Kelantan tetapi tempat utama yang menjadi tumpuan ialah di Bangunan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Cerapan tersebut dilakukan di sini pada setiap bulan. Dalam menentukan arah kiblat, bahagian ini turut menerima permintaan dari pelbagai agensi kerajaan atau swasta dalam usaha untuk membetulkan arah kiblat di tempat masing-masing. Bahagian ini juga membuat atau menghasilkan taqvim kepada seluruh Negeri Kelantan. Ia akan dicetak selepas disemak dan diputuskan oleh pihak Mufti. Selepas taqvim ini dicetak, ia diedarkan kepada orang ramai, sama ada melalui masjid mahu pun Jabatan Agama. Di samping itu, bahagian ini juga membuat semakan arah kiblat di masjid-masjid lama, sekolah dan sebagainya bagi memastikan arah kiblat yang digunakan adalah betul.

Pada tahun 2000, bahagian ini membuat keputusan untuk mewujudkan zon-zon solat bagi Negeri Kelantan agar kemaslahatan

bersama lebih terjamin. Ia dibahagikan kepada dua zon, iaitu Zon I merangkumi kawasan Negeri Kelantan yang berpusat di Rantau Panjang. Manakala Zon II pula meliputi bahagian Negeri Kelantan yang berpusat di Pos Dakoh. Dalam usaha untuk membuat cerapan yang betul dan tepat, Bahagian Falak Jabatan Mufti ini telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Bahagian Kaji Ukur di Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan beberapa badan lain. Setelah cerapan dibuat oleh bahagian ini, ia perlu dipersetujui dan disemak terlebih dahulu oleh Mufti. Tidak dinafikan bahawa Bahagian ini telah memberikan sumbangan yang besar dalam memastikan Islam di Kelantan dapat disebarkan dengan betul kepada masyarakat. Di samping itu juga, bahagian ini juga bertanggungjawab untuk memastikan arah kiblat dan taqvim dapat diedar dan diketahui oleh orang ramai.

Bahagian Fatwa

Bahagian ini diketuai oleh Penolong Pegawai Hal-Ehwal Islam yang dipengerusikan oleh Mufti. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyelaras dan merancang program serta aktiviti kefatwaan, menganalisis dan menapis soalan-soalan yang dikemukakan kepada Mufti, menyediakan cadangan Rang Fatwa serta menguruskan pengwartaan fatwa. Bahagian ini pula terbahagi kepada dua unit, iaitu Unit Istinbat dan Unit Buhuth. Antara tugas Unit Istinbat ialah membantu menyediakan kertas kajian untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa, membantu Pusat Sumber untuk menambah bahan rujukan di Perpustakaan Jabatan dan menyelaras urusan penyediaan Rang Fatwa dan pengwartaan fatwa. Manakala Unit Buhuth pula bertanggungjawab untuk mengkaji bahan manuskrip lama berkaitan hukum, memantau tuduhan dan tulisan pihak orientalis serta menyediakan jawapan, membuat kajian terhadap fatwa lama serta mengadakan kerjasama dengan institusi fatwa dalam dan luar negara.

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Bahagian ini diketuai oleh Penolong Pegawai Tadbir dan dibantu oleh tujuh orang kakitangan yang lain. Bahagian ini pula terbahagi kepada tiga unit, iaitu Unit Pentadbiran, Unit Kewangan dan Unit Perkhidmatan. Antara tugas Unit Pentadbiran ialah menjadi urus setia dan mengurus hal-hal mesyuarat jabatan, mendaftar, menyimpan dan mengurus perjalanan fail dan perjalanan pekeliling dan membuka, mendaftar serta mengagih surat mesyuarat. Selain daripada itu, Unit ini juga bertanggungjawab

mengawal dan verifikasi stok pejabat, mengurus atau memprogram penyelenggaraan alat kelengkapan pejabat, mengurus pelupusan barang atau alat dan kelengkapan pejabat. Manakala Unit Kewangan pula bertanggungjawab menyediakan belanjawan tahunan, memproses tambahan atau pindah peruntukan, tender atau sebut harga barang-barang dan perkhidmatan. Selain itu, Unit ini juga ditugaskan untuk mengurus gaji semua kakitangan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), cukai pendapatan, baucer bayaran, pembelian barang pejabat ini, mengemaskini flimsi atau buku vot dan perkara lain yang perlu diuruskan oleh Unit ini.

Tugas Unit Perkhidmatan pula ialah bertanggungjawab memproses pengesahan kakitangan dalam jawatan, kemasukan ke perjawatan berpencen, menyediakan kertas pencen, mengurus perjanjian kakitangan kontrak dan perlanjutan tempoh kakitangan kontrak dan turut menguruskan tindakan tata tertib kepada kakitangan yang terlibat. Selain daripada itu, Unit ini juga bertanggungjawab memproses permohonan pinjaman perumahan, kenderaan atau komputer para kakitangan, memproses cuti dan perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan Unit Perkhidmatan.

JABATAN MUFTI SEBAGAI RUJUKAN TERTINGGI UMAT ISLAM

Terdapat banyak sumbangan yang dilakukan oleh Jabatan Mufti Negeri Kelantan dalam usaha untuk memperkembangkan Islam di negeri itu. Ini kerana Jabatan ini merupakan tempat rujukan masyarakat apabila menghadapi masalah berkaitan hukum-hakam, keluarga dan kehidupan seharian. Ini bersesuaian dengan moto Jabatan ini, iaitu 'Syariat Dijunjung' yang menjadi tempat rujukan tertinggi umat Islam, sama ada dalam bidang sosial, ekonomi mahu pun politik.

Sumbangan Dalam Bidang Sosial

Dalam bidang sosial, Mufti memainkan peranannya dalam usaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Antara sumbangan yang dilakukan oleh Mufti ialah mengeluarkan fatwa untuk menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul semasa dirujuk oleh masyarakat setempat. Selain itu, Jabatan ini juga membahagikan Negeri Kelantan kepada dua zon solat, yang sebelum pada ini, ia tidak berlaku sedemikian. Ini kerana pada masa sekarang, penduduk Negeri Kelantan semakin bertambah dan kedudukan geografi Negeri Kelantan yang luas menyebabkan Bahagian Falak dan Sumber Maklumat Jabatan ini berusaha

untuk mewujudkan dua zon solat di Kelantan. Berkenaan masalah murtad pula, Jabatan Mufti telah menyerahkannya kepada kerajaan. Namun begitu, pihak Mufti juga akan memberikan khidmat rundingcara kepada mereka yang bermasalah dalam aspek akidah apabila diminta oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. Selain itu, Jabatan ini juga memberikan sumbangan dalam menentukan tarikh awal bulan Ramadan, hari raya dan hari-hari kebesaran Islam yang lain, di samping mengadakan kerjasama dengan JAKIM dan MAIK. Kerjasama ini adalah untuk memastikan bahawa cerapan dan keputusan yang dibuat itu betul dan tepat.

Para kakitangannya juga turut dihantar berkursus untuk memantapkan lagi perjalanan atau kelicinan pentadbiran Jabatan ini. Kebiasaannya kakitangan akan dihantar berkursus dalam negeri sahaja yang berpusat di YIK. Akan tetapi, terdapat juga kakitangan yang dihantar berkursus di tempat-tempat lain, sama ada di dalam negeri atau di luar negeri Kelantan. Di samping menghantar kakitangannya untuk berkursus, pihak Mufti sendiri mengadakan kuliah mingguan dan pengajian al-Qur'an. Ia disampaikan oleh Mufti sendiri kepada pegawai dan kakitangan Jabatan ini. Ini adalah untuk memantap dan menambahkan ilmu di kalangan kakitangannya. Di samping itu juga, sebarang persoalan atau masalah yang dihadapi oleh kakitangan akan dirujuk terus kepada Mufti atau Timbalan Mufti. Mufti juga turut menerima undangan ceramah agama dari pihak kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pihak swasta untuk memberi pengetahuan agama kepada masyarakat.

Sumbangan Dalam Bidang Ekonomi

Dalam bidang ekonomi, Mufti telah melibatkan diri secara tidak langsung untuk memastikan ekonomi masyarakat Kelantan terus berkembang dan maju. Dalam perbankan Islam misalnya, Mufti turut melibatkan diri dengan Tabung Haji dengan pelantikan beliau sebagai Penasihat Tabung Haji. Ini menunjukkan walaupun tugas Mufti adalah berkaitan dengan penyelesaian hukum dan fatwa, namun beliau turut melibatkan diri dalam soal-soal ekonomi atau perbankan Islam di Negeri Kelantan. Dalam pada itu, Mufti juga turut terlibat dalam hal-hal yang berkaitan dengan wang zakat yang diagihkan kepada orang ramai melalui MAIK. Wang zakat itu telah disumbangkan oleh orang perseorangan atau Jabatan Kerajaan mahu pun pihak swasta. Mufti akan menyerahkan wang tersebut yang disumbangkan kepada MAIK bagi pembahagian zakat untuk dibahagikan kepada orang yang memerlukan.

Sumbangan Dalam Bidang Politik

Dalam bidang politik, Jabatan ini juga bertanggungjawab dalam membantu orang ramai dalam usaha untuk membantu menyelesaikan masalah hukum dan fatwa yang ditimbulkan oleh masyarakat untuk dijadikan amalan dan pegangan. Mufti sendiri dilantik oleh KDYMM AL-Sultan Kelantan selama mana khidmatnya diperlukan. Mufti sebagai Penasihat dalam hal-ehwal agama Islam memainkan peranannya yang tersendiri dalam mengembangkan ajaran Islam kepada masyarakat Islam di Kelantan. Dalam Kerajaan Negeri Kelantan pula, Mufti tidak melibatkan diri secara khusus dalam hal-ehwal pentadbiran kerajaan. Begitu juga dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Mufti tidak akan terlibat dan masuk campur dalam hal-ehwal pemesyuaratan. Walaupun begitu, Mufti tetap memainkan peranan dan memberi sumbangan yang berbentuk nasihat dalam hal-ehwal agama atau dalam bidang fatwa serta bidang politik dan pentadbiran apabila ia diminta oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

MATLAMAT, CABARAN DAN HARAPAN

Jabatan Mufti Negeri Kelantan yang ditubuhkan untuk bertanggungjawab dalam pentadbiran hal-ehwal agama Islam di Kelantan mempunyai matlamat yang tertentu. Antara matlamat penubuhan Jabatan Mufti adalah untuk menjadi satu institusi dakwah rasmi di peringkat negeri. Dalam pada itu, ia juga adalah untuk mewujudkan dan menjadi badan yang benar-benar bertanggungjawab serta dapat memberi tumpuan dengan sepenuhnya mengenai bidang kefatwaan di Negeri Kelantan. Matlamat penubuhan Jabatan ini juga adalah untuk memberi khidmat nasihat dan panduan kepada masyarakat dalam hal-ehwal yang berkaitan dengan agama dan hukum-hakam Islam. Jabatan ini juga berusaha untuk mengeluarkan dan menyelesaikan sebarang permasalahan melalui sesuatu fatwa yang dihadapi oleh masyarakat dalam usaha untuk memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat. Dengan demikian, sebarang permasalahan orang ramai akan dapat diselesaikan dengan baik oleh Jabatan ini. Selain itu, Jabatan ini berusaha untuk mengeluarkan fatwa yang benar-benar lengkap dan meluas serta tidak terhad dalam sesuatu isu dan perkara yang dipertikaikan sahaja. Ini adalah untuk memberi bimbingan dan panduan kepada orang ramai dalam menghadapi kehidupan mereka pada masa sekarang. Di samping itu, Jabatan ini juga berhasrat untuk membuat penyelarasan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan ini dengan fatwa yang telah dikeluarkan di peringkat kebangsaan.

Ini dilakukan untuk mewujudkan fatwa yang bersistematik dan kemas. Ini juga adalah untuk memudahkan orang ramai atau umat Islam dewasa ini yang menghadapi masalah atau perkara yang sama di negeri-negeri lain di Malaysia. Dengan kewujudan penyelarasan kefatwaan di antara negeri-negeri di Malaysia, ia dapat mengelakkan pertembungan fatwa antara negeri. Setiap fatwa itu perlu berlandaskan sumber hukum-hukum Islam yang boleh dijadikan panduan untuk mengeluarkan sesuatu hukum. Ini kerana jika berlaku pertembungan fatwa antara negeri, banyak masalah lain pula yang timbul dan ini memerlukan penyelesaian yang menyeluruh oleh pihak yang bertanggungjawab tentang hal-ehwal Islam di negeri masing-masing.

Dalam usaha untuk mencapai matlamat penubuhannya, Jabatan ini berhasrat untuk mengorak langkah menerusi penggunaan teknologi maklumat dalam urusan pentadbiran dan penyaluran maklumat terkini mengenai bidang fatwa kepada masyarakat. Ini memandangkan alaf baru ini ditunjangi oleh pencapaian teknologi tinggi, canggih dan digital. Dalam pada itu, Jabatan ini bercadang untuk mewujudkan laman sesawangnya sendiri. Namun begitu, pada masa ini ia masih lagi di tahap perbincangan. Usaha ini akan digiatkan seiring dengan pencapaian institusi mufti di negeri-negeri lain. Ia juga sebagai persediaan untuk menghadapi era globalisasi serta perkembangan sains dan teknologi moden. Jabatan ini juga mempunyai matlamatnya yang lain antaranya ialah berusaha untuk menolak ajaran, amalan dan ilmu yang salah atau sesat. Dalam hal ini, Jabatan ini bertanggungjawab untuk menolak atau menghalang sebarang pertubuhan ajaran salah dalam usaha untuk membentuk masyarakat soleh yang hidup berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah. Masyarakat hari ini juga mempunyai ilmu dan pengetahuan yang sudah tentu boleh membezakan antara yang benar dan salah (Abdullah 2003). Jabatan ini juga bermatlamat untuk menyebarkan Islam yang sebenar berlandaskan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang memahami dan mengaplikasikan ajaran Islam sepenuhnya dalam kehidupan mereka.

Banyak tekanan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh Jabatan Mufti Negeri Kelantan dalam usaha untuk menyebarkan syiar Islam. Ini kerana suasana pada hari ini semakin mencabar daya ketahanan dan kemampuan sesebuah institusi Islam dalam setiap perkara yang berlaku. Pada alaf baru ini juga, persoalan dan cabaran lebih hebat terus muncul yang memerlukan kredibiliti dan kebijaksanaan Mufti untuk menyelesaikannya. Oleh yang demikian, Mufti yang berperanan sebagai agen yang mampu untuk membimbing masyarakat ke arah kebaikan dan

kesejahteraan, perlu dengan sedaya upayanya untuk berhadapan dengan cabaran pada masa kini. Antara cabaran yang dihadapi oleh Jabatan Mufti mahu pun Mufti sendiri ialah 'perpecahan' di kalangan masyarakat yang berlaku disebabkan beberapa faktor misalnya seperti faktor politik.

Masalah ini berlaku di mana sahaja dan akan terus berlaku dari semasa ke semasa. Di Kelantan, 'pertelagahan' parti politik ini berlaku sejak dulu lagi. Dengan itu, Jabatan ini mengambil pendekatan untuk tidak mencampuri dalam soal politik dan bertindak menjadi orang tengah. Selain itu, berkenaan masalah murtad pula, Jabatan Mufti menyerahkan masalah ini kepada kerajaan dan MAIK untuk menyelesaikannya. Namun begitu, apabila Jabatan ini diminta untuk memberikan nasihat atau panduan oleh pihak kerajaan, Mufti akan melakukannya berdasarkan Syariah Islamiah dalam usaha untuk meleraikan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Pada masa sekarang juga, sains dan teknologi terus berkembang dengan pesat tanpa had. Ia merupakan sebahagian daripada perkembangan dunia sains dan teknologi manusia moden hari ini. Dari segi sosial pula, masyarakat sekarang mempunyai pergaulan yang agak luas dan bebas hasil daripada pengaruh media massa. Ini menjadikan cabaran Jabatan Mufti semakin bertambah, apatah lagi pada abad ini masalah sosial yang berlaku kian meningkat dari semasa ke semasa. Dalam pada itu, Jabatan ini bertanggungjawab dalam usaha untuk mencari jalan penyelesaian supaya masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja dapat dikurangkan dengan menerapkan budaya Islam dalam kehidupan seharian mereka. Pada zaman ini, Jabatan Mufti memerlukan Mufti untuk memainkan peranannya secara lebih aktif dalam semua aspek kehidupan. Teknologi maklumat juga menjadi satu cabaran yang sangat ketara kerana pelbagai bentuk maklumat kini dapat diperolehi dengan begitu mudah. Ini akan memberi kesan yang amat ketara terhadap individu, hubungan keluarga dan sosial. Ia juga boleh menyebabkan berlaku keruntuhan akhlak, moral dan sosial akibat penyalahgunaan sistem dan teknologi yang terdapat pada hari ini. Hakikatnya, penglibatan Mufti dalam pembangunan agama Islam amat ketara di negeri Kelantan. Ini menunjukkan Jabatan Mufti melalui peranan Mufti sendiri, telah banyak menghadapi cabaran dalam usaha untuk menyebarkan Islam kepada masyarakat setempat. Tanggungjawab terhadap agama dan negara menuntut mereka supaya terus mara untuk memperjuang dan mendaulatkan agama Islam.

Berdasarkan cabaran berat dan hebat yang dihadapi ini, kemampuan ilmiah, kepakaran dan penghayatan seseorang Mufti terhadap aspek etika perlu dipertingkatkan. Ini perlu dilakukan dengan penuh iltizam

agar mereka terus dihormati dan disegani. Sebagai satu daripada institusi agama yang bertanggungjawab dalam pentadbiran hal-ehwal agama Islam dan sebuah badan rasmi di peringkat negeri, Jabatan ini perlu terus melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai satu institusi Islam yang penting kepada masyarakat. Secara tidak langsung, kewujudannya turut memberikan sumbangan yang besar dalam menyebarkan syiar Islam di Negeri Kelantan.

Harapan dan tanggungjawab yang terletak di bahu Mufti sungguh besar. Mufti bukan sahaja dituntut untuk melaksanakan tugas sebagai Mufti, iaitu untuk mengeluarkan fatwa atau menyelesaikan sesuatu permasalahan agama yang berlaku, akan tetapi, Mufti juga melibatkan diri dengan cergas dan cekap dalam apa jua aktiviti sosial, ekonomi dan budaya, demi memajukan agama, bangsa dan negara. Antara harapan Jabatan Mufti Negeri Kelantan melalui peranan Mufti ialah agar perpecahan politik yang berlaku di kalangan masyarakat Islam di negeri Kelantan dapat diselesaikan dengan baik. Ini supaya masalah ini tidak menjadi punca utama untuk umat Islam sentiasa berbalah dan bermusuhan. Di samping itu juga, pihak Mufti berharap agar umat Islam sentiasa bersatu untuk menghadapi hidup yang semakin mencabar. Harapan beliau juga adalah agar masyarakat akan bersatu dalam usaha untuk melaksana dan mencapai Wawasan 2020.

Mufti yang merupakan golongan penting dalam memainkan peranan menyebarkan ajaran Islam turut berharap agar beliau dapat memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat Islam di Kelantan khususnya dan di Malaysia umumnya. Beliau juga berharap agar segala khidmat yang diberikan akan dapat dimanfaatkan untuk memberi kemajuan kepada masyarakat dalam menghadapi kehidupan yang semakin mencabar. Mufti yang juga menjadi tunggak dan penjana kepada perjuangan Islam juga berharap agar akan wujud generasi pelapis yang dapat memberikan khidmat kepada masyarakat dalam usaha untuk menyebarkan dakwah Islamiah yang mewakili Jabatan ini pada masa akan datang. Ini kerana cabaran dan tanggungjawab Jabatan ini pada masa itu memerlukan penguasaan kemahiran dan kecekapan dalam menghadapinya secara efektif. Di samping itu juga, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan berharap agar umat Islam di Kelantan menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai panduan dalam kehidupan mereka. Sebarang permasalahan yang dihadapi, diharap akan dirujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah dalam usaha untuk membuat keputusan dan penyelesaian yang betul serta tepat demi mencari keredaan dan kebahagiaan di dunia dan Akhirat.

Mufti yang menjadi tempat rujukan umat Islam dalam usaha mereka menghayati Islam ke arah memperoleh keredaan Allah (s.w.t) dan kejayaan hidup di dunia dan Akhirat berharap agar masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat Kelantan khususnya dapat bersatu untuk memajukan negara dan bersaing dengan negara lain. Ini dapat memberikan kekuatan serta imej yang baik kepada Islam. Menerusi pelaksanaan hukum Islam yang merupakan sendi kepada pembangunan Islam, pihak Mufti berharap agar masyarakat Kelantan dapat memajukan diri masing-masing demi kemajuan bersama. (Abdullah 2003, Mohd Shukri 2004).

KESIMPULAN

Negeri Kelantan merupakan negeri terawal menubuhkan institusi agama yang berfungsi untuk menyebarkan dan menegakkan syiar Islam. Manakala jawatan Mufti pula, mendahului penubuhan Jabatan Mufti sendiri yang telah wujud di negeri Kelantan sejak tahun 1820-an atau 1830-an lagi. Namun begitu, penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan secara rasmi bermula pada tahun 1893. Mulai 29 Ogos 2005, Jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Mufti Negeri Kelantan. Terdapat 23 jawatan yang disediakan oleh Jabatan ini, namun begitu sekarang ini hanya 19 jawatan sahaja yang diisi. Jabatan ini bertanggungjawab secara langsung untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai tentang hal-hal Islam, di samping turut memberikan khidmat nasihat dan kaunseling kepada orang ramai yang memerlukannya. Ini kerana Jabatan ini juga berperanan sebagai tempat atau pusat orang ramai untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam kehidupan mereka, sama ada dalam hal yang berkaitan dengan hukum-hukum dan masalah keluarga melalui Mufti atau Jemaah Ulama. Jabatan ini turut membantu MAIK dalam hal dan perkara yang diperlukan olehnya untuk memutuskan sesuatu perkara.

Dalam usaha untuk menerbitkan bahan-bahan bacaan atau risalah yang berunsurkan Islam dan hukum-hukum, Jabatan ini amat memerlukan dan mengalu-alukan kerjasama dan penglibatan daripada kalangan penulis Islam. Ini bertujuan untuk menerbitkan risalah serta panduan yang berkaitan dengan hukum-hukum Islam, Jabatan Mufti dan hal-hal yang berkaitan. Dengan jalinan kerjasama di kalangan penulis Islam, Jabatan ini dapat menerbitkan lebih banyak bahan bacaan yang berunsurkan Islam untuk dijadikan panduan kepada orang ramai dalam usaha untuk memberikan pengetahuan dan ilmu kepada mereka. Pada masa sekarang ini, Jabatan Mufti telah mendapat kerjasama pihak Mufti untuk

memainkan peranannya secara lebih aktif dalam semua aspek kehidupan manusia. Ini kerana tanggungjawab dan peranan Mufti terhadap agama dan negara menuntut mereka terus mara untuk memperjuangkan agama dan meningkatkan syiar Islam dalam menghadapi pelbagai cabaran. Ini dapat mewujudkan masyarakat Islam yang menghayati Islam dalam kehidupan seharian berpandukan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Dalam usaha untuk menyebarkan agama Islam kepada masyarakat Kelantan, institusi Diraja memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk meningkatkan ajaran Islam di kalangan masyarakat. Ini kerana Sultan Kelantan merupakan ketua agama Islam bagi negeri Kelantan yang turut sama memainkan peranan baginda. Dengan kewujudan sokongan institusi Diraja, ini dapat memudahkan tugas Mufti dan institusi Islam yang lain dalam usaha untuk menyebarkan dan menerapkan nilai-nilai Islam kepada masyarakat.

RUJUKAN

- Abdullah Alwi Hassan. 1996. *The administration of Islamic law in Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Alwi Hassan. 2004. Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan: Peranan dan sumbangan kepada perkembangan Islam di Kelantan. Temu bual, 3 September.
- Abdullah @ Hasbullah Mohd Hassan. 2003. Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan: Peranan dan sumbangan kepada perkembangan Islam di Kelantan. Temu bual, 31 Disember.
- Abdul Monir Yaacob & Wan Roslili Abd. Majid (pnyt.). 1998. *Mufti dan fatwa di Negara-negara ASEAN*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Razak Mahmud. 1992. "Tujuh puluh lima tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan". *Warisan Kelantan*, hlm. 1-18. Jil. 1. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Razak Mahmud. 1993. "75 tahun majalah Pengasuh (1918-1993)". *Warisan Kelantan*, hlm. 8-23. Jil. 12. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

- Abdul Razak Mahmud. 1996. "Dato' Haji Ismail dalam kenangan". Dlm. Ismail Che Daud (pngr.). *Tokoh-tokoh ulama' Semenanjung Melayu (2)*, hlm. 343-351. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Abdul Razak Mahmud. 1997. "Penubuhan Majlis 1915". Dlm. *Buletin MAIK*, hlm. 3-5. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Alias Mohamed. 1984. *Gerakan sosial & politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn. Bhd.
- Government of Kelantan Gazette. 1994. *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*.
- Gullick, J.M. 1987. *Malay society in the late nineteenth century: The beginnings of change*. Singapura: Oxford University Press.
- Hamdan Hassan. 1985. "Peranan pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu pada permulaan abad ke-20 Masihi". Dlm. Nik Safiah Karim & Wan Abdul Kadir Yusoff (pnyt.). *Kelantan dalam perspektif sosio-budaya: Satu kumpulan esei*, hlm. 150-173. Universiti Malaya: Jabatan Pengajian Melayu.
- Ismail Awang. 1996. "Haji Ahmad Maher (1904-1968)". Dlm. Ismail Che Daud (pngr.). *Tokoh-tokoh ulama' Semenanjung Melayu (2)*, hlm. 149-165. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Awang. 2001a. "Mufti Haji Wan Muhammad (1870-1920)". Dlm. Ismail Che Daud (pngr.). *Tokoh-tokoh ulama' Semenanjung Melayu (1)*, hlm. 205-214. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Awang. 2001b. "Mufti Haji Wan Musa (1875-1939)". Dlm. Ismail Che Daud (pngr.). *Tokoh-tokoh ulama' Semenanjung Melayu (1)*, hlm. 385-397. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Che Daud. 1992a. "Satu abad mufti-mufti Kerajaan Kelantan". *Pengasuh 519*. Mei: 10-20.